



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 7 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KIANDEE ON IMPORTANCE OF AGRI: ONLY SECTOR TO SEE GROWTH, DAILY EKSPRESS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	500 PENDUDUK LEGA DAPAT BELI BEKALAN, NEGERI P.PINANG/KEDAH, SH -26	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4. 5.	KUASA BAHARU INDUSTRI PENGELUARAN MAKANAN? UTUSAN BORNEO -ONLINE BAMBANGAN NOW AVAILABLE IN JUICE FROM, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -5 PENJARA KELANTAN LATIH 80 BANDUAN TERNAK KELULUT, BERNAMA -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8.	152 NELAYAN DAPAT NAIK TARAF RUMAH, LOKAL, HM -16 SALUR RM4.22J BANTU NELAYAN BELURAN, LOKAL, HM -17 PELUANG PENIAGAPROMOSI BISNES, LOKAL, HM -17	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	USAHAWAN MUDA DIMINTA REBUT PELUANG PERUNTUKAN MAFI, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10. 11.	SAMKA SEDIA BERI KERJASAMA, NASIONAL, SH -10 SEKTOR PERTANIAN PERLU LEBIH 'SEKSI' PIKAT ANAK MUDA, KOMENTAR, BH -11	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

## Kiandee on importance of agri; only sector to see growth



*Kiandee and others hold placards to promote Maha 2020.*

**SEPANGGAR:** Agriculture was the only sector in the country that witnessed a positive growth in the second quarter of this year.

To this end, Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the sector is important, especially in contributing to the country's

gross domestic product (GDP).

“During the implementation of the Movement Control Order (MCO), food industry, including food production and processing was categorised as essential,” he said after officiating the Road to Maha 2020, at the Sabah Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), here, Saturday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG/ KEDAH	26

# 500 penduduk lega dapat beli bekalan

PST beri kemudahan kepada ketua keluarga di kawasan PKPD Pentadbiran dapatkan barangan harian

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

## SUNGAI PETANI



Penduduk berbaris untuk membeli barangan keperluan dengan mengamalkan jarak fizikal antara satu sama lain.

Kira-kira 500 penduduk terjejas di Kenanga 9, Ambangan Heights yang dikawal ketat akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran meluahkan perasaan lega apabila mampu mendapatkan bekalan keperluan harian dengan penganjuran Pasar Segar Terkawal (PST) dalam kawasan perumahan mereka kelmarin.

Seorang penduduk, Ahmad Naufal Abdullah, 38, berkata, sejak larangan keluar zon dikuatkuasakan, ketua keluarga yang dipakaikan gelang warna putih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut tidak dibenarkan keluar dari zon perumahan terbabit.

Menurutnya, ia mendatangkan kesukaran untuk mendapatkan barangan keperluan harian memandangkan kedai runcit mahupun premis menjual barangan lain terletak di Zon Melor, kira-kira dua kilometer dari perumahan mereka.

“Alhamdulillah, atas inisiatif persatuan penduduk dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), peniaga dibenarkan memasarkan jualan melalui PST.

“Kami bersyukur dengan tindakan proaktif yang telah diambil ke-

rana sebelum ini, perlu ke Zon Melor dan berbaris panjang untuk membeli.

“Apabila arahan larangan keluar zon bermula pula, kami tak boleh ke mana-mana namun penganjuran PST dalam kawasan perumahan kami memberi kemudahan dan ke-selesaian sekali gus akur arahan pihak berkuasa supaya tidak keluar rumah dan berada di zon masing-masing,” katanya.

Menurutnya, inisiatif itu telah memberi kemudahan kepada ketua keluarga mendapatkan bekalan makanan terutama barangan segar seperti ikan, ayam dan sayur bagi meneruskan perintah kuarantin yang masih berbaki.

Sementara itu, peniaga sayur, Mohd Shahril Helmi Mat Saad, 35, berkata, penganjuran PST di kawasan PKPD Pentadbiran dilihat sebagai salah satu cara membantu penduduk mendapatkan bekalan.

Menurutnya, walaupun bimbang untuk memasuki kawasan PKPD Pentadbiran, namun pihaknya yakin semuanya selamat kerana pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP).

Bagi peniaga ikan, Mohd Kha-

iril Zafri Bakri, 40, walaupun ramai peniaga enggan menyertai PST kerana bimbang penularan koronavirus (Covid-19) tetapi beliau mahu membantu penduduk terjejas mendapatkan bekalan ikan dengan niat menjual sambil membantu dan bertawakal.

“Semalam (kelmarin), jualan di zon tertentu termasuk Kenanga 9 agak menggalakkan. Jika ada permintaan, kami akan memberi kerjasama bergantung kepada keperluan penduduk,” katanya.

Sambutan menggalakkan terhadap operasi PST di Zon Mawar di kawasan PKPD Pentadbiran di Amanjaya, Kedah sebelum ini mendorong FAMA membuka operasi pasar berkenaan di Zon Kenanga.

Difahamkan, PST akan dianjurkan semula di Kenanga 9 Selasa ini bagi membekalkan barangan keperluan kepada penduduk terjejas.

Penduduk Kenanga 9 antara lebih 20,000 penduduk terjejas yang tinggal di Zon Kenanga, Melor dan Mawar, Ambangan Heights. Bandar Amanjaya yang diperintahkan kuarantin sejak PKPD Pentadbiran dikuatkuasakan kerajaan bermula 28 Julai hingga 10 September 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Kuasa baharu industri pengeluaran makanan?



**PELANCARAN:** Ronald menyempurnakan acara simbolik pelancaran Majlis MAFI Malaysia sempena MAHA 2020 yang diadakan julung-julung kalinya di Sabah.

**KOTA KINABALU:** Sabah perlu fokus merapatkan hubungan dengan Kerajaan Persekutuan untuk muncul sebagai kuasa baharu dalam industri pengeluaran makanan negara.

Penularan COVID-19 yang melanda global termasuk negara membuktikan potensi industri itu apabila mencatatkan perkembangan positif ketika industri lain merosot.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata sebagai peneraju industri, kementeriannya komited untuk terus membantu sektor itu di negeri ini.

"Melalui agensi atau jabatan persekutuan, banyak dana dan pembangunan pertanian dan industri makanan dapat dibangunkan di seluruh negara termasuk Sabah," katanya.

Ronald berkata demikian sempena Program Promosi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2020 Edisi Negeri Sabah di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau percaya hubungan kerjasama erat antara negeri dan persekutuan mampu menjadi faktor yang mempercepatkan lagi pembangunan sektor terbabit di Sabah.



**PATRIOTIK:** Ronald serta Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi bersama kenamaan lain menyanyikan lagu Jalur Gemilang dan Kibar Bendera Malaysia/ Sabah dengan tetamu-tetamu yang hadir.

"Negeri mempunyai peruntukan yang terhad dan kerjasama dengan persekutuan akan membolehkan bantuan kewangan untuk pemain industri ditingkatkan," katanya.

Menyentuh mengenai peluang Sabah muncul sebagai pengeluar utama hasil makanan di negara ini, beliau optimis peluang itu ada namun memerlukan komitmen pemain industri.

Pada masa sama, beliau memuji inisiatif Institut Penelitian dan Pengembangan Pertanian Malaysia (MARDI) yang mengembangkan

potensi buah bambangan dengan produk jus.

"Minuman jus bambangan yang dilancarkan hari ini membuktikan kemampuan MARDI menjalankan projek pembangunan potensi pelbagai produk yang ada," katanya.

Beliau juga tertarik dengan inisiatif MARDI mengembangkan potensi buah tempatan itu dengan pelbagai produk hasil seperti jus, ais krim, jem, kordial dan jeruk bambangan.



**GERAN:** Ronald menyerahkan geran berjumlah RM6, 671, 685 kepada pengusaha sos Noorala Muh Tang yang mewakili 344 peserta Program Agropreneur Muda 2020 Fasa II.

Dalam perkembangan berasingan, menteri itu turut mengumumkan seramai 344 orang akan menerima Geran Agropreneur Muda daripada kementerian bernilai RM6.67 juta.

"Daripada jumlah itu, seramai 29 peserta adalah dari Sabah yang akan menerima geran bernilai RM563, 400 yang diharap mampu meningkatkan pengeluaran hasil mereka.

"Kementerian juga melalui Jabatan Pertanian Malaysia membangunkan Program Pengukuhan Skim Amalan Pertanian Baik (MYGAP) dan MYORGANIK," katanya.

Menurutnya, sebuah pusat kita semula bekas racun primer dan sembilan pusat pengumpulan bekas racun kecil bernilai RM37, 000 akan dibina untuk rakyat Sabah.

Turut disalurkan, Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRE PRIHATIN) 2020 bernilai RM6.07 juta kepada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk Dana Khas Projek Agromakanan Pertubuhan Peladang.

"Peruntukan itu sempena Program Pembangunan Komuniti Peladang, Program Peningkatan Mobilisasi dan Logistik Bahan Makanan serta Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan.

"Bantuan lain, termasuklah elaun sara hidup nelayan di seluruh Sabah sebanyak RM8.7 juta untuk 6, 096 orang yang diselaraskan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Perhatian turut diberikan untuk golongan B40 melalui Projek Tanaman Kontan melibatkan keluasan kawasan 24 ekar untuk menanam ubi keledek dan keladi," katanya.

Menurut Ronald juga, melalui program itu seramai 46 petani dilibatkan dari 11 kampung di Kota Belud dengan jumlah peruntukan keseluruhan membabitkan RM170, 000.

Beliau turut mendedahkan Agrobank akan menawarkan pembiayaan mikro Perusahaan Kecil dan Sederhana di Sabah berjumlah RM38.66 juta melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

"Kita percaya mereka yang terlibat dalam sektor pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, serta pemprosesan dan perkhidmatan penyedia-an makanan, kraftangan dan industri desa akan menerima manfaatnya," katanya.

Penyediaan pelbagai pelan dan program bantuan terbabit disifatkannya sebagai komitmen Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membantu rakyat dalam sektor berkaitan.

"Kita akan terus berusaha membantu rakyat dalam sektor pertanian, tanaman dan ternakan termasuklah industri makanan untuk membaik pulih ekonomi negara.

"MAFI akan terus memperkasakan peningkatan mobiliti tenaga kerja pertanian melalui insentif yang diberi kepada rakyat untuk memastikan kelangsungan pengusaha terbela.

"Kita juga berharap rakyat akan sentiasa patuh dengan arahan kerajaan ketika negara berhadapan pandemik COVID-19 dan mengamalkan norma baharu," katanya.

Headline	Bambangan now available in juice form		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	07 Sep 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	5	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	323 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,405
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,215



Kiandee tries a piece of bambangan during the launch of the new product formulated by Mardi. Also seen is Rina.

## Bambangan now available in juice form

**KOTAKINABALU:** Bambangan, a local fruit that is usually pickled and eaten as an appetizer, is now available in juice form, thanks to the hard work of Malaysian Agriculture Research and Development Institute (Mardi) in Sabah.

Its research officer, Rina Singkina, said Mardi came up with the formulation for the juice in 2012 and had been training those interested to make bambangan juice since then.

Rina when met after Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee launched the product on Saturday, said it started

when Mardi was asked to try making juice from local fruits like bambangan which is like mango.

"So Mardi took up the challenge and did its research on how to diversify the uses of bambangan. We know that bambangan juice is being produced on a small scale basis but the product does not have a long shelf life.

"With Mardi's technology, we can assist the entrepreneurs to make quality products. Those who are interested can come and we will provide them with all the necessary training as well as advice of packaging and

labelling," she said.

Since bambangan is a seasonal fruit, part of the training is how to make puree so that there will be a supply of raw material for juicing, said Rina.

She also disclosed that based on the Agroculture Department's statistics in 2018, there was only 28.1 hectares of bambangan trees in Sabah with a production of 39 metric tonnes only a year.

"Most are wild grown trees and not cultivated but we can see the potential. Mardi Bintulu is planning to plant bambangan trees for commercial purposes in its diversity centre," she said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	BERNAMA	ONLINE	

## Penjara Kelantan latih 80 banduan ternak kelulut



KOTA BHARU, 7 Sept -- Jabatan Penjara Negeri Kelantan melatih 80 banduan dengan kemahiran menternak dan menuai madu kelulut bagi menjana pendapatan selepas mereka dibebaskan kelak.

Pengarah Penjara Kelantan Penolong Kanan Komisioner Mat Yaacob berkata projek madu kelulut berkenaan sudah empat tahun dijalankan dan kini terdapat 150 rumah kelulut yang diusahakan banduan di kawasan seluas 0.4 hektar di Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) Kem Desa Pahlawan, Kok Lanas, dekat sini.

"Secara puratanya 10 kilogram (kg) madu kelulut dikeluarkan dalam tempoh sebulan dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Penternakan kelulut ini kemudiannya dipasarkan ke pasaran terbuka khususnya di galeri dan pusat jualan penjara di seluruh negara, selain pemasaran dan teknologi memproses ketulenan madu turut dilakukan oleh MARDI," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Sambutan Hari Penjara Ke-230 Peringkat Negeri Kelantan di Stadium Mini Pengkalan Chepa di sini, hari ini.

Mat berkata menerusi usaha itu, banduan memperoleh kemahiran menternak madu kelulut yang boleh digunakan untuk meneruskan kelangsungan hidup selepas keluar dari penjara.

"Penjara Kelantan adalah satu-satunya penjara di negara ini yang menyediakan latihan ternakan kelulut kepada banduan serta menghasilkan madu kelulut," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata selain ternakan kelulut, pihaknya juga menyediakan kemahiran lain seperti pastri, batik dan songket untuk banduan wanita dan lelaki, di Penjara Pengkalan Chepa, Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Machang dan PRP.

"Dalam bidang pengeluaran makanan yang dihasilkan oleh banduan, sebanyak RM950,000 keuntungan berjaya diperolehi tahun lepas dan kita meletakkan sasaran sehingga RM1.2 juta.

"Lebih membanggakan lagi, batik yang dihasilkan mendapat perhatian dan langganan daripada Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan sehingga kini baginda secara berterusan membuat tempahan dengan penjara," katanya.

-- BERNAMA

# 152 NELAYAN DAPAT NAIK TARAF RUMAH

**LKIM siap kediaman nelayan dalam tempoh dua bulan di Beluran, naik taraf tiga jeti di bawah pengurusan baharu**

Oleh **Muhamad Razli Ismail dan Hazsyah Abdul Kallaman**  
am@hmetro.com.my

**H**anya dalam tempoh dua bulan sebanyak 152 rumah nelayan di kawasan Beluran, Sabah berjaya disiapkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di bawah pengurusan dan pengurusan baharu.

Bukan itu sahaja, dalam tempoh singkat iaitu tiga minggu, agensi itu berjaya menaik taraf tiga jeti dengan kos RM150,000 untuk keperluan nelayan menjalankan aktiviti perikanan seharian seperti membatipulih pukut dan pendaratan ikan.

Perkara itu didedahkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Klандее dalam Majlis Perasmian Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020 dan Kembara Agropreneur Muda dan Jelajah Prihatin Nelayan di sini, semalam.

Bellau berkata, Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang baru dilantik pada 1 Mei lalu berjaya menyesuaikan diri di LKIM dalam tempoh yang amat singkat berikutan pengalaman luas dalam bidang korporat dan industri makanan negara.

"Saya ambil contoh di kawasan saya iaitu projek baik pulih tahun lalu lagi namun tidak dapat disiapkan.

"Tetapi di bawah kepemimpinan Datuk Pengerusi dan pengurusan LKIM yang baharu, projek baik pulih 152 rumah nelayan di kawasan Beluran dapat disiapkan dalam tempoh masa yang menakjubkan iaitu dua bulan sahaja mengikut prosedur dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, lebih mengjutkan LKIM juga berjaya menyiapkan kerja menaik taraf tiga jeti di kawasan Beluran iaitu jeti Kampung Muanad II, Jeti Kampung Seri Menanti dan Jeti Kampung Keramat dalam tempoh tiga minggu.

"Boleh buat sebenarnya, ada kaedah yang membenarkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan spesifikasi yang ditetapkan pendekatan kerja secara go-



rong-royong membabitkan kerjasama Persatuan Nelayan sebagai Peneraju Projek, saya lihat sebagai faktor kejayaan ini, tambahan pula dengan kemahiran *command and monitoring* yang dimiliki Pengerusi LKIM," katanya.

Mengulas lanjut, program Bantuan Baik Pulih Rumah Nelayan di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bernilai RM3 juta untuk 200 pemohon yang dilaksanakan sepanjang tahun ini dan tahun berikutnya pastinya sangat mengembirakan masyarakat nelayan di Beluran.

"Ini adalah contoh yang baik, agensi di bawah MAFI bergerak proaktif, pantas dalam membantu rakyat. Ini yang rakyat mahu sebenarnya daripada Kerajaan Persekutuan hari ini.

"Selain itu, Dana Khas Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin bernilai RM200,000 yang diperuntukkan sebagai modal pusingan perniagaan dan pemasaran untuk Persatuan Nelayan Kawasan Beluran amatlah ahli nelayan, Ahli Lembaga Pengarah persatuan dan saya sendiri menghargainya.

"Ini hasil keprihatinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin diterjemahkan oleh LKIM pada hari ini," katanya.

Tambahnya, LKIM akan bertindak sebagai pemantau dan memberi bimbingan serta khidmat nasihat kepada PNK mengenai pemasaran hasil laut.

"Saya puji kesungguhan LKIM ini untuk membangunkan masyarakat nelayan keluar daripada kelompok kemiskinan. Diharapkan Persatuan Nelayan Kawasan Beluran berdaya maju lima tahun daripada sekarang, mampu berdiri di atas kaki sendiri membantu ahli nelayan di bawah tanpa mengharapkan bantuan daripada kerajaan," katanya.

Beluran dengan nilai RM4,222,160. Ini tanda sa-sanganya Kerajaan Persekutuan kepada semua masyarakat Beluran dan nelayan," katanya.

Sementara itu, Syed Abu Hussin berkata, ketika program ini dilaksanakan pihaknya menyampaikan beberapa bantuan serta inisiatif yang LKIM sudah dan akan laksanakan di Sabah termasuk Elaun Sara Hidup, Bantuan Baik Pulih dan Bina Baharu di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan, Program Tanaman Nelayan, Dana Khas Persatuan Nelayan dan Pembelian Bangunan Baharu Persatuan Nelayan.

"Usaha ini dilakukan untuk membantu masyarakat nelayan setempat. Ini keprihatinan LKIM dengan menjadikan nelayan sebagai keutamaan dan agenda utama untuk terus dibela.

"Saya mendapat maklum balas positif daripada nelayan yang berterima kasih kepada LKIM kerana terus membela nasib nelayan demi menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan kehidupan masyarakat nelayan di sini," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran, Ipin Rajap berkata, jeti nelayan Kampung Kera-



Dr. Ronald (tengah) tengah di gerai usahawan Sumarni Ghani (kiri). Hadir sama, Syed Abu Hussin (kanan).



**Di bawah kepemimpinan Datuk Pengerusi dan pengurusan LKIM yang baharu, projek baik pulih 152 rumah nelayan di kawasan Beluran dapat disiapkan dalam tempoh masa yang menakjubkan iaitu dua bulan sahaja mengikut prosedur dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan"**

Dr Ronald Klандее

mat yang baru dibalik berkenaan memberikan faedah yang besar untuk mereka serta masyarakat sekitar.

Menurutnya, setiap hari ramai masyarakat setempat dan nelayan menggunakan jeti berkenaan sebaik siap dibina.

"Setiap hari kadang kala, ada lebih 20 kali pendaratan ikan dijalankan di sini dan ia juga menjadi tempat orang ramai memancing.

"Kalau dahulu, kami sebagai nelayan terpaksa tolak bot ke jambatan untuk mendaratkan ikan jika air surut. Kini semuanya sudah berubah dan kemudahan ini memang berharga buat kami," katanya.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	17



Dr. Ronald (kanan) menyerahkan replika cek untuk projek khas perumahan nelayan kepada Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Beluran, Simon Sigoh.

## Salur RM4.22j bantu nelayan Beluran



**Beluran:** Sebanyak RM4.22 juta disalurkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada nelayan di Beluran sepanjang tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, buat sekian kalinya beliau datang semula ke Beluran sebagai tanda keperihatinan kepada nelayan.

Menurutnya, pihaknya menyalurkan peruntukan baru bagi tahun 2020 untuk nelayan Beluran iaitu Bantuan Baikpulih Rumah dibawah Projek Khas Perumahan Nelayan bernilai RM3 juta untuk dilaksanakan sepanjang tahun ini dan tahun berikutnya.

"Kementerian ini juga melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) masih meneruskan bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan kepada 515 nelayan dari Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran bernilai RM721,000 sepanjang 2020.

"Melalui LKIM, kami menyalurkan peruntukan Dana Khas Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin kepada PNK Beluran bernilai RM200,000 sebagai modal pusingan ke-

pada persatuan nelayan untuk terbahagi sebagai permain di dalam industri perikanan negara.

"Selain itu, turut diberikan peruntukan membina kilang ais PNK Beluran bernilai RM200,000 bagi merencanakan lagi industri perikanan di Beluran dan kawasan sekitarnya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020 dan Kembara Agropreneur Muda serta Jelajah Prihatin Nelayan.

## Peluang peniaga promosi bisnes

**Beluran:** Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020 dan Kembara Agropreneur Muda serta Jelajah Prihatin Nelayan yang diadakan di Dataran Beluran, semalam memberikan signifikan kepada peniaga.

Peserta, Dayang Arbariah @ Elmy Oting, 42, yang juga ibu tunggal mengambil peluang berkenaan berniaga makanan laut dan ikan kering.

Menurutnya, itu kali pertama dia menyertai karnival sedemikian dan ia sebenarnya sesuatu yang sangat dinantikan oleh peniaga seperti mereka.

"Karnival seperti ini penting kepada kami peniaga kecil-kecilan kerana mampu membantu mempromosikan perniagaan.

"Justeru, kami berharap ia diadakan lebih kerap. Bukan



yan, di Dataran Beluran, semalam.

Menurutnya, pihaknya juga memberikan peruntukan RM100,000 kepada maksimum 100 Nelayan B40 di kawasan Beluran untuk terbahagi dengan Projek Tana-

man Kontan.

"Bagi membangunkan infrastruktur jeti sedia ada, tiga lokasi dibaik pulih pada bulan Julai lalu iaitu Jeti Kampung Muanan Dua, Jeti Kampung Seri Menanti dan Jeti Kampung Keramat dengan kos RM150,000.

"Secara keseluruhannya, nelayan di Parlimen Beluran akan menerima pelbagai jenis bantuan bernilai RM4.22 juta daripada Kementerian melalui LKIM sepanjang 2020," katanya.



**Karnival seperti ini penting kepada kami peniaga kecil-kecilan kerana mampu membantu mempromosikan perniagaan"**

**Dayang Arbariah**

sahaja di daerah ini malah di daerah atau negeri lain.

"Kami sebagai peniaga akan hadir menyertainya walaupun jauh kerana ia cepat dalam memperkenalkan lagi jualan kami kepada pihak luar," katanya.

Seorang lagi peniaga yang juga usahawan dari Sandakan, Sumarni Ghani, 42, ber-

kata, dia sanggup datang ke daerah itu semata-mata untuk menyertai karnival itu.

Katanya, sebagai usahawan sambal cili dan juga roti dia perlukan medium sedemikian dalam bertemu ramai pelanggan.

"Alhamdulillah, saya berniaga di rumah sahaja sejak lima tahun lalu dan baru-baru ini saya mula menyewa premis.

"Karnival seperti sangat baik dan kami harap ia lebih kerap dibuat dalam membantu peniaga kecil seperti kami," katanya.

Karnival berkenaan dihadiri ribuan pengunjung termasuk dari daerah lain berhampiran.

Secara keseluruhan, peniaga dan peserta berterima kasih kepada penganjur dan berharap karnival sedemikian diadakan lebih kerap.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## Usahawan muda diminta rebut peluang peruntukan MAFI



PELADANG: Isnin (tiga kiri) menyampaikan bantuan kepada usahawan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan.

TAWAU: Golongan muda di negeri ini yang berminat dalam bidang keusahawanan diminta rebut peluang dan tampil ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di daerah masing-masing bagi mendapatkan informasi yang lebih lanjut.

Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Isnin Aliasniah berkata kerajaan sentiasa menggalakan golongan muda untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan pelbagai bidang.

"Pihak kementerian se-memangnya mahu melahirkan lebih ramai rakyatnya terutamanya golongan muda untuk menjadi usahawan berjaya supaya mereka boleh menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup.

"Mereka yang berminat menjadi usahawan boleh berjumpa dengan mana-mana pegawai PPK untuk mendapatkan bimbingan dan pelbagai bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang dilaksanakan setiap tahun,"katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui selepas melakukan lawatan ke Gerai Buah-Buahan Segar Sabindo (GBBS) dan Bertemu Peserta Agropreneur Muda di sini, kelmarin.

Terdahulu, dalam program itu, Isnin menyampaikan sumbangan Mobile Food Kiosk (MFK) sebanyak RM200,000 kepada 10 penerima iaitu RM20,000 setiap seorang.

Beliau berkata, pemberian MFK itu membolehkan setiap peserta yang terlibat berjaja atau berniaga boleh meletakkan produk mereka di mana sahaja lokasi yang bersesuaian.

Selain itu beliau turut menyampaikan bantuan RM100,000 kepada usahawan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kalabakan dan menyerahkan geran bernilai RM15,000 berupa peralatan membuat kuih sepiit kepada seorang penerima.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

## Samka sedia beri kerjasama

**KUANTAN** - Save Musang King Alliance (Samka) bersedia bekerjasama dengan kerajaan Pahang untuk menyelesaikan kemelut penerokaan tanah dan kebun durian haram di Raub, Pahang.

Pengerusinya, Chang Yee Chin berkata, pekebun durian terbabit bukan sahaja mahu membayar pampasan kepada kerajaan negeri atas kerugian yang dialami malah akan berkongsi sebahagian keuntungan daripada penghasilan durian kepada kerajaan negeri.

“Hentikan memfitnah saya dan pekebun lain bahawa kami tidak sudi berunding dengan kerajaan. Jangan mempolitikkan isu tersebut,” katanya.

Bekas Ahli Majlis Kajang itu berharap, pekebun dan kerajaan negeri boleh mencapai situasi menang-menang bagi mencapai penyelesaian berke-



Yee Chin (berdiri, tiga dari kiri) bersama pengusaha dan pekebun durian Raub.

### ISU MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN

naan. “Pekebun sedia bekerjasama dengan kerajaan dalam rancangan per-

kembangan industri durian di Pahang serta pengurusan sumber air dan pemeliharaan alam sekitar,” katanya.

Terdahulu kerajaan negeri menerusi Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang dilaporkan mengambil alih tanaman durian

dan buah-buahan yang diusahakan secara haram di sekitar Kampung Sungai Ruan dan Kampung Chalit, Raub mulai 24 Ogos.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang dalam kenyataan memberi amaran akan mengambil tindakan, sama ada didakwa di mahkamah atau dimusnahkan tanaman berkaitan, jika terdapat pihak yang mencerooboh selepas tarikh itu.

# Sektor pertanian perlu lebih 'seksi' pikat anak muda

**Mendorong** anak muda terbabit dalam pertanian sangat penting kerana ia peluang keemasan mengurangkan perganguan belia yang mencatatkan 58.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pada tahun lalu.

Ia bukan saja dapat menaik taraf kehidupan, bahkan pemangkin mengurangkan pergantungan negara pada tenaga kerja asing, memastikan bekalan makanan selamat dan meningkatkan eksport negara, sekali gus menyumbang pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Sektor ini menyumbang sebahagian besar KDNK, iaitu 7.2 peratus dan satu-satunya industri berkembang pada suku kedua tahun ini.

Namun, belia seperti kurang bersemangat mencoburi industri ini kerana dilihat kurang menguntungkan hingga menjadi jalan terakhir kepada mereka yang kurang berprestasi dan tidak dipandang tinggi masyarakat.

Walaupun kerajaan berusaha menjadikan sektor pertanian sebagai sektor ini, sebaliknya berhijrah ke bandar mencari pekerjaan.

Namun, sebahagiannya mungkin masih terbabit dalam pertanian, tetapi tidak tahu bagaimana untuk bermula atau mendapatkan bimbingan.

Keadaan ini rumit kerana mereka yang mengambil bahagian dalam pertanian ialah kumpulan kemahiran dan latar belakang sosial berbeza, tanpa

mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian yang akhirnya menghalang mereka bekerja di industri ini.

Akibatnya, potensi dan prospek pertumbuhan pertanian dilihat sebagai tanggungjawab penduduk luar bandar semakin tua yang mustahil menguasai sektor ini dalam jangka lama dan menghasilkan produktiviti lumayan.

Ia boleh jadi sebab baki tertaru kekosongan pekerjaan di sektor pertanian iaitu 5.9 peratus, tertinggi antara sektor lain.

Kadar pekerjaan mahir yang bekerja di sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan hanya pada 6.2 peratus pada suku kedua tahun ini, terendah berbanding kumpulan seperti pekerja perkhidmatan dan penjualan (23.7 peratus); pekerjaan dasar (12.3 peratus) dan profesional (12.9 peratus).

Sementara itu, dengan berlakunya COVID-19, kita mendapat pengajaran negara perlu memiliki hasil tempatan mencukupi kerana larangan eksport produk makanan di beberapa negara, menyebabkan pergolakan besar dalam

pasaran global dan rantaian bekalan. Seperti dinyatakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), negara ini menghasilkan lebih daripada cukuap tembikai, betik, tomato, terung, tebu dan bayam dengan merekodkan kadar sara diri (SSR) lebih 100 peratus.

Namun, beberapa tanaman tidak mempunyai bekalan mencukupi untuk keperluan domestik seperti halia sebanyak 16.2 peratus; cili (30.8); mangga (32.1) dan kubis bulat (36.2).

Hasilnya, tanaman ini mencatat kadar kebergantungan import (IDR) tertinggi dengan halia menyumbang 84.3 peratus; cili (73.6); mangga (73.5) dan kubis bulat (65.4).

Dari segi ternakan, bekalan daging kambing dan lembu tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tempatan berbanding lain dengan kadar SSR masing-masing ialah 12.1 dan 23.7 peratus. Oleh itu, kedua-dua ternakan ini mencatatkan kadar IDR tertinggi, iaitu 87.9 dan 76.6 peratus secara individu.

Dengan melihat persepsi anak muda

terhadap pertanian dan bekalan makanan tidak mencukupi untuk keperluan domestik, kerajaan harus merangka langkah dan dasar strategik baharu.

Contohnya, kerajaan harus mendorong generasi muda terbabit dalam sektor ini dengan meningkatkan imej pertanian atau menjadikannya lebih 'seksi' dan lebih menguntungkan.

Ia dapat dilakukan melalui pemodenan supaya pertanian tidak lagi dipandang pekerjaan ketinggalan zaman, tidak menguntungkan atau kotor.

Kerajaan boleh menawarkan geran bagi membantu belia membeli tanah untuk pertanian, bukan hanya menyewa tanah melalui Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang memerlukan pembaharuan lesen setiap tahun.

Seterusnya, kerajaan perlu mengeluarkan segala halangan untuk memulakan perniagaan agro-perniagaan.

Contohnya, menghubungkan mereka dengan pengguna, pembekal produk pertanian dan media sangat penting untuk menyokong serta membantu mereka turut serta dalam industri ini.

Program latihan berkaitan teknologi pertanian pintar dan agro-perniagaan menguntungkan harus diutamakan.

Latihan ini harus lengkap dengan kemahiran pertanian baharu yang menggunakan teknologi moden seperti sistem kedudukan global (GPS), penggunaan tanah, pengurusan data dan internet benda (IoT) untuk meningkatkan kuantiti serta kualiti produk pertanian.

*Penulis adalah Pembantu Penyelidik di EMIR Research*

